

MANUAL PENGURUSAN DAM HAJI

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
www.jawhar.gov.my

Cetakan Pertama ... 2009
© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel.: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin
50554 KUALA LUMPUR
Tel.: 603-9236 6909/10 Faks: 603-9223 0397



Perutusan
**Y.B. MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta seluruh mukmin yang memperjuangkan syariat Islam.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dinobatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan taufik serta inayah-Nya, Manual Pengurusan Dam Haji (MPDH) berjaya diterbitkan. MPDH yang diterbitkan ini merealisasikan hasrat JAWHAR bagi melahirkan satu lagi wadah ilmu yang bermanfaat kepada umat Islam masa kini. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai sumber rujukan kepada bakal jemaah haji dan umrah malahan menjadi panduan kepada semua agensi pengelola perkhidmatan haji dan umrah.

Pelaksanaan Dam oleh para jemaah merupakan elemen penting dalam ibadat haji dan umrah bagi menjamin kesempurnaan dan kemabururan ibadat yang dilakukan. Bagaimanapun, pelaksanaan Dam adakalanya diambil mudah bukan sahaja oleh para jemaah malahan oleh agensi pengelola haji dan umrah lantaran kecetekan pengetahuan terhadap pelaksanaan Dam dalam kedua-dua ibadat ini. Penerbitan MPDH ini adalah tepat pada waktunya kerana tidak banyak penerbitan pada masa ini yang membincangkan perihal Dam. Bagi agensi pengelola pula, penerbitan MPDH ini membantu meningkatkan

keberkesanan sekaligus memantapkan lagi tadbir urus terbaik dalam sistem penyampaian dan pengendalian perkhidmatan haji dan umrah.

Adalah diharapkan umat Islam khususnya bakal jemaah haji dan umrah memanfaatkan sepenuhnya MPDH yang diterbitkan ini. Sekalung tahniah kepada JAWHAR dan semua pihak yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menerbitkan MPDH ini. Kerjasama dan komitmen jitu yang diberikan bagi memastikan penerbitan MPDH ini berjaya amatlah dihargai. Semoga niat dan usaha murni ini akan mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T. juga serta memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh umat Islam, Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

والسلام



Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL (B) DATO' JAMIL KHIR HJ. BAHAROM
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



Sekapur Sirih

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan-Nya, Manual Pengurusan Dam Haji telah berjaya diterbitkan. Ia merupakan satu usaha proaktif Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dalam membantu memperkasa kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam yang bertaraf dunia menerusi penerbitan siri manual pengurusan tadbir urus terbaik.

Sekalung penghargaan dan tahniah atas kejayaan JAWHAR dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji dan Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. kerana menghasilkan penerbitan ini. Ia merupakan usaha gigih JAWHAR yang berterusan dalam meningkatkan pengetahuan dan memupuk kesedaran umat Islam terhadap hukum dan kewajipan pelaksanaan Dam dalam ibadat haji dan umrah.

Harapan saya agar penerbitan Manual ini dapat menjadi panduan kepada umat Islam terhadap tuntutan ke arah kesempurnaan ibadat haji dan umrah. Sesungguhnya setiap umat Islam akan menunaikan ibadat haji dan umrah apabila

telah cukup syarat-syaratnya. Justeru, Manual ini boleh dimanfaatkan menerusi pengaplikasian tadbir urus terbaik oleh semua agensi pelaksana dan seterusnya memberi lebih kefahaman mengenai hal-ehwal pelaksanaan serta pengurusan Dam, khususnya bagi para jemaah haji dan umrah di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

والسلام



TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN
Ketua Setiausaha Negara



Seulas Pinang
**KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN
HAJI (JAWHAR)**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipasangkan kepada Allah S.W.T. di atas limpah rahmat dan hidayah-Nya kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sehingga beroleh kesempatan menerbitkan sebuah lagi siri manual pengurusan yang dikenali sebagai Manual Pengurusan Dam Haji (MPDH). Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dan bergabung usaha serta idea bagi memastikan penerbitan MPDH ini tercapai.


Dam dalam ibadat haji dan umrah merupakan suatu ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. ke atas seseorang jemaah kerana melakukan perkara-perkara yang mewajibkannya. Terdapat 4 jenis Dam dalam ibadat haji iaitu Dam Tertib dan *Taqdir*, Dam Tertib dan *Ta'dil*, Dam *Takhyir* dan *Taqdir* serta Dam *Takhyir* dan *Ta'dil*. Wujud persepsi negatif dalam kalangan jemaah bahawa Dam yang dikenakan dalam ibadat haji dan umrah adalah membebankan. Justeru, MPDH ini akan menerangkan perkara tersebut dan membuktikan bahawa Dam sebenarnya memberi keringanan kepada jemaah dalam keadaan-keadaan tertentu. Para jemaah sewajarnya mengetahui bahawa di sebalik setiap sesuatu yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. kepada hamba-Nya, pasti tersirat maksud dan hikmah di sebaliknya.

Usaha JAWHAR bagi membantu para jemaah memahami dengan lebih jelas konsep dan pelaksanaan Dam dalam ibadat haji dan umrah adalah selaras dengan salah satu agenda penubuhan JAWHAR yang terkandung dalam Pelan Strategik JAWHAR 2007-2011 iaitu ‘Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji Selaras Dengan Syariah Demi Peningkatan Taraf Sosio-Ekonomi Ummah’. Penerbitan MPDH ini bertujuan untuk mewujudkan suatu sistem tadbir urus terbaik melalui pengurusan dan pengendalian pelaksanaan Dam yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan kepada agensi pengelola perkhidmatan haji dan umrah. Selain itu, terdapat sebilangan agensi pengelola haji dan umrah kurang memberi penekanan terhadap aspek Dam ini. Masih terdapat sebilangan jemaah yang keliru akan konsep dan pelaksanaan Dam sedangkan ia merupakan elemen utama yang perlu diberi perhatian oleh jemaah bagi menjamin kesempurnaan ibadat haji dan umrah.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar mutiara ilmu yang dititipkan dalam MPDH ini akan memberi manfaat kepada para jemaah haji dan umrah seterusnya menjadi panduan kepada seluruh agensi pengelola haji dan umrah untuk memperkasa dan memantapkan pengelolaan perkhidmatan mereka. Semoga usaha murni JAWHAR ini beroleh hidayah dan keberkatan Allah S.W.T. juga hendaknya, Amin.

Sekian, terima kasih.

والسلام


DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH
Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
(JAWHAR)

Penghargaan



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan sekalung penghargaan khusus kepada **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji** dan **Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd.** di atas sumbangan maklumat dan input yang lengkap dalam penerbitan **Manual Pengurusan Dam Haji (MPDH)** ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama bagi menghasilkan MPDH ini.

Glosari



1. **Cupak** : Satu cupak adalah bersamaan dengan SR5.
2. **Fasad haji** : Haji rosak apabila seseorang dalam ihram haji melakukan perlanggaran utama dalam ihram; bersetubuh dalam ihram umrah atau sebelum *Tahallul* Awal semasa haji. Jemaah berkenaan hendaklah membayar Dam Jimak iaitu Dam Tertib dan *Ta'dil*.
3. **Fuqaha** : Ahli fikah.
4. **Hajjatul Islam** : Haji fardu.
5. **Itlaf** : Membinasakan seperti cabut rambut, pokok dan memotong kuku.
6. **Luput Wuquf** : Sudah berihram, tetapi gagal untuk *wuquf* di Arafah.
7. **Manasik/ Nusuk** : Khusus untuk ibadat haji; perkara-perkara berkaitan dengan mengerjakan haji; *wuquf*, tawaf, saie, bergunting dan sembelihan binatang Dam.
8. **Rafath** : Larangan bercampur dengan isteri termasuk juga segala yang menimbulkan nafsu berahi, sama ada dengan perbuatan atau perkataan.
9. **Tanah Halal** : Kawasan luar dari *Tan'im*, *Ja'aranah*, *Hudaibiah* dan *Idhaatullaban* (sempadan).
10. **Tanah Haram** : Makkah, Mina dan Muzdalifah.

11. **Tarafuk** : Melanggar tegahan seperti letak selendang atas kepala.
12. **Wakalah** : Memberi kuasa kepada orang lain untuk menguruskan hal-hal tertentu bagi pihaknya.

Kandungan



PERUTUSAN Y.B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SEKAPUR SIRIH KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JAWHAR

PENGHARGAAN

GLOSARI

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	2
1.2	Tujuan	2
1.3	Skop	3
1.4	Justifikasi Penyediaan Manual	3
1.5	Kesimpulan	4

BAB 2 : DEFINISI DAN DALIL-DALIL

2.1	Definisi	5
2.2	Jenis-Jenis Binatang	6
2.3	Dalil-Dalil	7
2.4	Kesimpulan	12

BAB 3 : DAM DALAM MANASIK HAJI DAN UMRAH

3.1	Pengenalan	13
3.2	Hikmah Pensyariatan Dam	13
3.3	Jenis-Jenis Dam	14
3.4	Sebab-Sebab Dikenakan Dam	14
3.5	Bilakah Waktu Penyembelihan Dam?	19

3.6	Beberapa Kategori Dam Dalam Ibadah Haji	20
3.7	Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Jemaah	21
3.8	Kesimpulan	22
BAB 4 : PROSEDUR PEMBAYARAN DAN PENGURUSAN DAM		
4.1	Pengenalan	25
4.2	Wakalah Dalam Pegurusan Dam Haji Malaysia	26
4.3	Unsur-Unsur Penting Dalam Pelantikan Wakalah	27
4.4	Syarat-Syarat Dalam Pelantikan Wakil	27
4.5	Jenis-Jenis Pelantikan Wakalah	28
4.6	Hukum Dan Hak Akad	30
4.7	Tempoh Tamat Pelantikan Wakalah	30
4.8	Akad (Ijab Dan Kabul)	31
4.9	Wakalah Dalam Pengurusan Dam Haji Malaysia	31
4.10	Jika Wakalah Pelaksanaan Dam Melalui Pilihan Kedua	32
4.11	Pembayaran Dam	32
4.12	Kategori Dam Yang Diuruskan Oleh LTH	33
4.13	Syarat-Syarat Sah Dan Pelaksanaan Dam	33
4.14	Pengurusan Dam Oleh LTH	33
4.15	Kesimpulan	35
PENUTUP		36

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 2